

Nama:

Selesaikan masalah dibawah. Tulis jawapan pada petak yang disediakan :

1. Jumlah durian semuanya ialah 260 biji. Jika dimasukkan ke dalam 2 bakul , berapa biji duriannah dalam setiap bakul?

Jawapan :

2. Tuliskan ayat matematik yang sesuai.
" Terdapat 3 pasu bunga. Setiap pasu ada 5 kuntum bunga. Jumlah bunga semuanya ialah 15 kuntum "

Jawapan :

3. Bala menyimpan RM50 sebulan. Manakala adiknya menyimpan RM25 sebulan. Berapakah wang mereka kumpul setiap bulan?

Jawapan :

4. Nani menggunakan 45 biji telur untuk membuat kek lapis dan 53 biji untuk membuat kuih bahu. Berapa biji telur yang telah digunakan oleh Nani?

Jawapan :

5. Tuliskan ayat matematik bagi pernyataan berikut.

" Terdapat sejumlah telur di dalam sebuah bakul. 30 biji telur telah pecah. Bilangan telur yang masih elok ialah 112 biji. "

Jawapan :

6. Tuliskan ayat matematik bagi pernyataan berikut \

"Sam membeli sejumlah guli. Dia memberikan 50 biji guli kepada adiknya. Baki gulinya sekarang ialah 115 biji."

Jawapan :

7. Sejumlah 297 biji gula-gula dikongsi sama banyak di antara 9 orang budak. Berapa bijikah gula-gula seorang budak dapat?

Jawapan :

8. Leong dan 6 orang kawannya berkongsi 336 keping setem sama banyak. Berapakah keping setem setiap orang dapat?

Jawapan :

9. Ada 1720 batang pen biru dan 1780 batang pen merah di dalam sebuah kotak. Berapakah jumlah pen di dalam kotak itu?

Jawapan :

10. Alani mempunyai 500 biji guli. Amila pula mempunyai 79 biji guli lebih daripada Alani. Berapa biji gulikah yang dimiliki oleh mereka berdua?

Jawapan :

11. Makcik Kiah menderma sebanyak 1325 keping topeng muka kepada Hospital Kuala Lumpur, 1565 keping kepada Balai Polis Petaling dan 782 kepada jiran tetangga. Kira jumlah topeng muka yang didermakan oleh Makcik Kiah.

Jawapan :

12. Puan Zaini mengagihkan 136 biji manga sama banyak kepada 8 orang murid. Berapakah biji manga yang diperolehi oleh seorang murid?

Jawapan :

13. Nombor yang manakah digit 9 adalah di rumah ratus?

Jawapan :

14. $P = 384$, $Q = 684$. Cari hasil bagi $P + Q$.

Jawapan :

15. Butik Mawar telah menempah sebanyak 7182 helai baju dari Kilang Pakaian Muslimah. Manakala Butik Melur pula menempah sebanyak 2211 helai baju dari kilang yang sama. Berapakah jumlah bilangan baju yang perlu disediakan oleh Kilang Pakaian Muslimah?

Jawapan :